

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
MERESMIKAN BILIK GERAKAN NEGARA  
YANG BARU DI JABATAN PERDANA  
MENTERI, JALAN DATO ONN,  
KUALA LUMPUR, PADA HARI KHAMIS  
17HB. OGOS, 1978 JAM 10.00 PAGI.

---

- ~~1. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr. Mahathir.~~
2. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan  
Timbalan-Timbalan Menteri.
3. Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Parlimen.
4. Yang Berusaha Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,  
Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai  
Kanan.
5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

---

Asas sebuah Kerajaan yang kukuh,  
ialah sebuah Kerajaan yang penuh dedikasi  
dalam melaksanakan segala tanggungjawab

yang diamanahkan oleh rakyat, dan juga  
bersatu dalam membuat keputusan untuk  
faedah dan kepentingan rakyat. Kerajaan  
yang berjiwa rakyat, mestilah mempunyai  
kedua-dua sifat ini.

2. Rakyat kini telah pun membuat  
pilehan, terhadap Kerajaan yang dikehendakinya.  
Memandangkan hasrat menyeluruh rakyat inilah,  
maka kami yang telah menerima amanah rakyat  
ini, berazam melaksanakannya dengan penuh  
rasa bertanggungjawab. Oleh itu, Kerajaan

kini dengan penuh kesedaran, sedang meningkatkan  
lagi prestasi dan keupayaan<sup>nya,</sup> bagi memenuhi  
 harapan tinggi rakyat ini. Kerajaan sedang  
 pesat berusaha, mewujudkan jentera pentadbiran  
yang benar-benar berjiwa rakyat.

3. Dedikasi atau ketekunan, bukanlah  
 satu konsep yang baru. Ia membawa implikasi  
 kesediaan pada diri seseorang, untuk bekerja  
~~keras~~<sup>bersemangat-sungguh</sup> bagi faedah rakyat dan negara. Konsep  
 ini, memerlukan seseorang membuat pengorbanan  
peribadi, supaya rakyat yang miskin, akan

mendapat faedah dari perkhidmatannya. Kepada mereka yang telah memilih perkhidmatan awam sebagai satu kerjaya, ~~dengan secara tidak langsung~~ adalah mengakui bahawa mereka bersedia untuk <sup>dengan bersungguh-sungguh</sup> bekerja ~~keras~~ dan tekun, bagi kebaikan negara dan faedah rakyat. Mereka mestilah mempunyai semangat sanggup berkorban.

4. Konsep bekerja untuk rakyat, mungkin tidak berapa jelas kepada setengah golongan. Mereka berpendapat, bahawa mereka hanya bekerja dan untuk Kerajaan/ini adalah berbeza dari bekerja untuk rakyat. Jika masih lagi terdapat

anggapan seperti demikian, saya sukalah menegaskan, supaya mereka mengikiskan sikap ini, serta memberhentikan amalan seperti ini sekarang juga. Saya berkehendakkan setiap anggota yang bekerja dengan Kerajaan, adalah juga bekerja semata-mata kerana rakyat, sama ada orang parti yang menganggotai Kerajaan, ataupun pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

5. Semua mereka yang bekerja dengan Kerajaan, dalam semua peringkat, mestilah, pada setiap masa, melaksanakan objektif-objektif dalam garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kami telah membuat ikrar ini dalam Manifesto

parti kami, yang telah ~~ada~~ diterima oleh rakyat. Dalam melaksanakan objektif ini, mereka hendaklah melaksanakannya selaras dengan cara-cara yang telah ditentukan oleh Kerajaan, dan tidak hanya sekadar menurut pendapat dan nilai mereka sendiri. Nilai-nilai peribadi ini, tidaklah boleh di tetakkan lebih tinggi dari keperluan rakyat sendiri. Kita mestilah faham, bahawa nilai-nilai peribadi ini, adalah pada setiap masa, tertakluk kepada kemahuan dan aspirasi orang ramai.

..7/-

6. Bagi mereka yang tidak bersedia untuk berkhidmat kepada rakyat, berasaskan konsep dedikasi seperti yang telah saya terangkan tadi, tidak mempunyai jalan lain, selain dari mengundurkan diri dari Kerajaan untuk masuk kebidang lain, di mana mereka boleh membuat keputusan dan bekerja menurut tempo dan keinginan mereka sendiri. Saya ingin menegaskan di sini, bagi individu-individu yang bersikap seperti ini, bahawa mereka tidak mempunyai tempat dalam Kerajaan yang berjiwa rakyat. Saya sendiri tidak suka memberikan peluang dan kesempatan kepada individu-individu, yang mempunyai pandangan dan pemikiran yang tidak sesuai dengan cita-cita rakyat, untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

7. Dalam pada itu, kita semua mestilah bersatu padu pada setiap ketika. Konsep bersatu yang saya maksudkan, telah kita jelaskan dengan terang dalam rukunegara, yang bertujuan membangkitkan ~~kan~~ kesedaran seluruh rakyat. Rakyat berkehendakan ~~kan~~ sebuah negara yang kuat dan maju, bagi membolehkan kita semua, khususnya generasi yang akan datang, menghadapi cabaran-cabaran masa depan dengan lebih berkeyakinan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Sebuah negara yang bersatu membawa implikasi, bahawa kita semua telah menerima

objektif-objektif yang telah tersurat dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan juga dalam Manifesto Parti yang memerintah sekarang ini.

Kita tidak dapat membenarkan penyelewengan dari objektif-objektif ini. Sekalipun kita akan bertolak ansur dan berkompromi di atas cara-cara pelaksanaan, tetapi objektif asas dalam satu-satu dasar itu, adalah tegas dan jelas. Dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan, adalah untuk kepentingan negara, dan juga bagi faedah rakyat seluruhnya. Sebelum ianya dilaksanakan, ia telah dibincangkan

*Jumaah menteri*

dengan teliti dan di terima oleh ~~Menteri~~  
*di luluskan oleh*  
~~Kabinet dan Wakil Wakil Rakyat dalam Parlimen.~~

9. Dedikasi dan bersatu, tidak mempunyai makna, sekiranya pendekatan yang kita ambil dalam pentadbiran dan pelaksanaan projek, tidak diperbaiki dengan setimpal. Kira-kira satu tahun setengah yang lalu, kita telah membuat satu keputusan menyeluruh. Kita telah juga menekankan sekali lagi dalam Manifesto kita, *jentera* iaitu kita akan memperbaiki ~~proses~~ pentadbiran, serta meningkatkan lagi prestasi jentera

pelaksanaan, bagi menentukan supaya kita dapat menyampaikan faedah dan hasil pembangunan yang lebih berkesan <sup>lagi</sup> kepada rakyat.

10. Kerajaan sangat mengambil berat di atas kelambatan-kelambatan dalam pelaksanaan projek, pada setiap peringkat. Jentera pentadbiran Kerajaan telah berkembang dengan pesatnya dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dalam hasrat melaksanakan program-program mereka masing-masing, demi kepentingan rakyat, jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan dan juga Negeri-Negeri, kadang-kala telah bergerak dengan begitu pesat, sehingga

hilang kesadaran terhadap priority yang telah ditetapkan. Ini telah menimbulkan keadaan dalam mana program-program Kerajaan, telah tidak dapat diselaraskan pelaksanaannya.

11. Tindakan pertama Kerajaan, ialah dengan mengambil langkah membuat perubahan dalam sistem penilaian prestasi pelaksanaan. Dari sistem penilaian yang berasaskan agensi, ianya kini telah berorientasikan program-program. Semua polisi-polisi yang dilaksanakan, dan issue-issue yang timbul, dalam satu-satu program pembangunan, sekarang ini telah dapat di nilai

dan diperiksa oleh Kerajaan dengan lebih teliti  
dan berkesan lagi. Perubahan ini adalah amat  
berfaedah, kerana ianya dapat menentukan pende-  
katan jurang utama diantara berbagai langkah,  
dan juga diantara aspek-aspek yang tidak  
diselaraskan dalam program-program asas kita  
itu. Kerajaan telah pun dapat menyelesaikan  
beberapa issue dalam program-program ini,  
melalui sistem penilaian baru ini. Kerajaan  
akan terus berusaha, supaya program-program  
yang hendak dilaksanakan, di susun dengan  
*me-nga-geh-kan*  
teratur, dan dapat mengagehkan faedah-faedah

~~yang dirancang kepada rakyat seluruhnya.~~

*kepada rakyat sebagaimana yang  
di rancangkan.*

12. Satu lagi keputusan Kerajaan, ialah bagi memperbaiki jentera sistem pengawalan dan pengesanan projek pembangunan di negara ini. Kerajaan mestilah mempunyai keupayaan mengetahui kedudukan tiap-tiap satu projek, dan sebab-sebab kelewatan pelaksanaan/anggaran jangka masa menyiapkan projek-projek <sup>itu</sup> ~~ini~~, dengan lebih tepat dan segera. Maklumat-maklumat ini, akan dapat membantu Kerajaan dalam menentukan langkah-langkah pembetulan, supaya mengatasi kesulitan-kesulitan yang di hadapi oleh agensi-agensinya pelaksanaan.

13. Saya telah mengarahkan supaya sebuah sistem pengesanan projek yang menggunakan komputer, hendaklah ditubuhkan bagi tujuan ini. Saya telah diberitahu, bahawa pada masa ini, satu sistem pengesanan yang akan dapat membuat <sup>di atas kedudukan</sup> ~~ke/atas status~~ tiap-tiap projek, yang sedang dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, telah pun mula diperkenalkan sejak awal tahun ~~1978~~ ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Saya telah <sup>juga</sup> ~~diberitahu~~, bahawa lapuran-laporan suku tahun, keatas prestasi tiap-tiap

agensi, Kementerian dan Negeri, ~~juga~~ akan dapat *juga* disediakan untuk kegunaan Kerajaan. Biarlah saya nyatakan di sini, bahawa saya sendiri akan ~~membaca dan~~ meneliti laporan-laporan ini, dan saya tidak akan teragak-agak meminta semua pihak yang bertanggungjawab, memberi penerangan yang lebih lanjut, kiranya saya dapati prestasi-prestasi mereka itu, ~~amat~~ tidak memuaskan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

15. Saya berpendapat, bahawa jentera pentadbiran yang ada sekarang ini masih boleh diperbaiki lagi, bagi menghasilkan keupayaan

..... *mattamat*  
 dan kemampuan yang jauh lebih tinggi. Strateji  
 ..... *bagi*  
kita untuk lima tahun ke hadapan ini, ialah untuk  
 menentukan, supaya kecekapan dan prestasi jentera  
Kerajaan, akan bertambah tinggi lagi mutu dan  
 penghasilannya.

16. Dalam menubuhkan sebuah Kerajaan  
 ..... *bertolak ansur.*  
yang bersih dan cekap, saya tidak akan berkompromi.  
 Kerajaan mestilah bekerja untuk rakyat dalam  
segala bidang. Bagi mencapai matalamat ini,  
 jika perlu, kita akan membuat beberapa perubahan  
 dalam sistem perancangan dan pelaksanaan Kerajaan.

Sementara kita mengetahui apa yang harus kita lakukan, Kerajaan sentiasa sedia menerima pandangan-pandangan dari rakyat.

17. Kita telah meminta pandangan rakyat keatas Dasar Perusahaan kita, dan juga dalam menyediakan belanjawan negara. Saya sukalah menegaskan, bahawa segala pandangan-pandangan ini, akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Pendeknya, sebuah Kerajaan berjiwa rakyat bererti, wujudnya satu dialog dan perhubungan rapat yang terus menerus dan berlanjutan, diantara

rakyat dan Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

18. Proses membuat keputusan Kerajaan,  
hendaklah diperbaiki, bagi menghasilkan faedah  
yang maksima kepada rakyat, khususnya rakyat  
miskin dan golongan yang kurang bernasib baik.  
Bagi mencapai matalamat ini, saya sukalah  
menyatakan, bahawa beberapa bahagian dalam  
Jabatan Perdana Menteri, iaitu Bahagian Kabinet,  
Bahagian Perancang Ekonomi, Bahagian Penyelarasan  
Pelaksanaan, Unit Permodenan Tadbiran dan  
Perancangan Tenaga Manusia, dan Lembaga Perancang

Keluarga Negara, telah mula mengambil langkah-langkah yang berkesan, bagi menubuhkan beberapa 'decision support system' untuk kegunaan Kerajaan.

19. Saya mempunyai penuh kepercayaan bahawa Bilek Gerakan Negara ini, akan merupakan satu pusat membuat keputusan yang dinamis untuk Kerajaan. Pusat ini, akan mempunyai semua maklumat yang akan diperlukan. Keupayaan ini adalah jauh berbeza dari Bilek Gerakan Negara kita yang asal, yang hanya mempunyai maklumat-maklumat yang statik. Bilek Gerakan Negara baru ini adalah dinamis dalam ertikata, bahawa

ianya boleh disesuaikan dengan keadaan, untuk membolehkan Kerajaan membuat keputusan yang lebih *cepat dan* berkesan.

20. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak, terutama pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, dan khususnya unit computer ini, yang telah bekerja *bersungguh-sungguh* keras kerana menyiapkan dan melengkapkan Pusat Komputer Bilik Gerakan Negara yang baru ini. *Kita yakin,* ~~Semoga~~ unit baru dalam Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan *ini,* dapat memberi


sumbangan yang berkesan, <sup>bagi</sup> menjayakan cita-cita  
dan hasrat Kerajaan dan rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,  
mengisytiharkan Pusat Komputer Bilik Gerakan  
Negara, Jabatan Perdana Menteri ini, dibuka  
dengan resminya.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*





sumbangan yang berkesan menjayakan  
dan hasrat Kerajaan dan rakyat.  
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya  
menghormati dan Pusat Komputer Bilik Gerakan  
Negara, Jabatan Perdana Menteri ini dibuka  
dengan resminya.



Terima kasih

No Siri ..... 393  
No Penerimaan ..... 32/81